

# MEMO

No. Rujukan : UNISEL/PPRKKP/2019/MEMO/05  
Tarikh : 13 September 2019

KEPADA : **SEMUA STAF & PELAJAR UNISEL**

## **FENOMENA JEREBU: PERINGATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

Jabatan Alam Sekitar Malaysia melaporkan fenomena **JEREBU** yang melanda Malaysia. **JEREBU** merupakan satu keadaan di mana debu dan asap tebal mengganggu tahap kebersihan udara lantas menjejaskan kesihatan penduduk. Indek Pencemaran Udara (IPU) adalah skala yang digunapakai dalam penentuan kriteria risiko **JEREBU**. IPU mengambilkira kepekatan partikel halus (*Particle Matter*) bersaiz 2.5 mikron dan ke bawah (PM<sub>2.5</sub>). Sehingga jam 1000 13 September 2019, IPU bagi kawasan Shah Alam dan Kuala Selangor adalah 135 dan 104 (**Kategori Tidak Sihat**). Berikut adalah kriteria IPU bagi negara kita:

### Indeks Pencemaran Udara (Malaysia)

<b>IPU</b>	<b>Status</b>
<b>0 - 50</b>	<b>Baik</b>
<b>51 - 100</b>	<b>Sederhana</b>
<b>101 - 200</b>	<b>Tidak sihat</b>
<b>201 - 300</b>	<b>Sangat tidak sihat</b>
<b>&gt; 301</b>	<b>Berbahaya</b>

Keadaan **JEREBU** yang berterusan mendatangkan kesan buruk kepada semua orang terutama kumpulan berisiko tinggi seperti:

1. Kanak-kanak
2. Orang tua
3. Mereka yang mengalami penyakit
  - asma
  - bronkitis
  - radang paru-paru
  - penyakit paru-paru yang kronik
  - jantung
  - alahan
4. Perokok
5. Mereka yang sentiasa bekerja di luar pejabat atau rumah.

## **Kesan-kesan yang akan dialami akibat terdedah secara berterusan:**

1. Terasa gatal-gatal di bahagian kerongkong dan batuk-batuk.
2. Terasa sukar untuk bernafas atau sesak nafas.
3. Mata terasa pedih dan berair.
4. Hidung berair dan kerap bersin.
5. Kulit badan terasa gatal-gatal.
6. Terasa sakit dada.

Dapatkan rawatan dan nasihat doktor di klinik berhampiran sekiranya anda mempunyai tanda-tanda dan gejala tersebut.

## **Panduan Keselamatan dan Kesihatan**

- Mereka yang mengalami penyakit seperti batuk, selesema, asma, sakit mata, sakit jantung atau penyakit paru-paru yang kronik hendaklah datang ke klinik dengan segera jika keadaan penyakit bertambah buruk.
- Mereka di dalam kumpulan berisiko tinggi hendaklah sentiasa mengambil ubat seperti yang dinasihatkan.
- Penutup hidung dan mulut (*mask*) hendaklah digunakan oleh penunggang motosikal, mereka yang bekerja di luar bangunan atau di tempat-tempat yang berhabuk dan juga mereka yang dikenalpasti sebagai kumpulan berisiko tinggi.
- Staf dan pelajar dinasihatkan supaya duduk di dalam bangunan.
- Kurangkan aktiviti di luar bangunan seperti sukan dan rekreasi.
- Staf dan pelajar dinasihatkan supaya sentiasa membasuh muka dan bahagian kulit yang terdedah kepada **JEREBU** dengan air bersih.
- Gunakan kemudahan hawa dingin sekiranya menaiki kenderaan anda.
- Staf dan pelajar dinasihatkan supaya sentiasa meminum air yang banyak (sekurang-kurangnya 8 gelas sehari)
- Sekiranya keadaan **JEREBU** berterusan pada tahap berbahaya, kumpulan berisiko tinggi dinasihatkan keluar dari kawasan.

## **'PENERAJU TRANSFORMASI'**

Yang benar,

**DR. MOHD ZUBAIRY SHAMSUDIN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPRKKP)

Universiti Selangor